

USM dipilih menjalani program APEX sejak tahun 2008



PELAJAR USM yang berbilang kaum saling menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi.

Oleh ZAKI SALLEH

zaki.salleh@kosmo.com.my

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM) komited bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjadi pemudah cara dan membantu melonjakkan penzahiran baharu dalam dunia pengajian tinggi negara.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Omar Osman berkata, hasrat itu telah dibincangkan dengan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) yang bakal direalisasikan bagi membolehkan institusi pengajian tinggi negara mengubah cara melaksanakan sesuatu perkara dengan lebih baik dan berkesan.

Katanya, sebagai medan ilmu, universiti berperanan dalam menukarkan idea kepada realiti dan ia seharusnya boleh dimanfaatkan oleh masyarakat secara holistik.

“Pengajian tinggi mampu melahirkan manusia yang melihat isu kemanusiaan dan alam sebagai sebahagian daripada peranan utamanya selain melihat kelangsungan masa hadapan dan perubahan bersumberkan ilmu pengetahuan.



USM pacu transformasi

NILAI-NILAI murni Malaysia diterapkan kepada mahasiswa USM.

"Kita juga perlu melihat bagaimana ilmu pengetahuan dapat digunakan untuk menjadikan kita lebih prihatin dan rasional dalam setiap tindakan," katanya.

USM yang dipilih menjalani Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) sejak September 2008 akan berkongsi beberapa inisiatifnya dengan universiti lain.

Baru-baru ini universiti itu mengadakan Seminar Perkongsian Inisiatif-inisiatif terpilih Universiti APEX dengan kerjasama KPT bagi berkongsi pengalaman dan manfaat kepada inisiatif yang dijalankan selama ini.

Perkongsian yang pertama seumpamanya itu diadakan bagi membolehkan semua IPT berkongsi pengalaman dengan USM dalam mencapai kecemerlangan masing-masing untuk memenuhi hasrat negara dengan memberikan gambaran lebih jelas berkaitan inisiatif-inisiatif terpilih universiti APEX.

Antara yang dikongsi adalah pembentangan kertas kerja bertajuk seperti *Governans dan Autonomi: Suatu Pengalaman APEX*, *MYCSD: Pembangunan Pelajar yang Holistik*, *Agenda-Agenda Kelestarian Sebuah Kampus Sejahtera*, *Mentransformasi Urustadbir Sebuah Universiti APEX dan Pengurusan Siswazah: Memupuk dan Mengekalkan Bakat Terbaik Siswazah APEX*.

Omar berkata, perkongsian itu juga tentunya dapat memberi peluang kepada



OMAR OSMAN



MAHASISWA USM ceria menyertai setiap aktiviti yang dianjurkan oleh universiti itu.

peserta mendengar sendiri pengalaman mereka yang terlibat secara langsung dalam mencadangkan dan melaksanakan sebahagian daripada proses yang dilalui.

"USM berusaha menzahirkan pelbagai kecemerlangan yang berterusan dalam mentransformasi pengajian tinggi untuk kelestarian hari esok," ujar beliau.

Sejak terpilih sebagai perintis program APEX, USM telah mencorakkan senario baharu dalam mencipta masa depan universiti yang lebih dinamik, berkualiti dan bertaraf dunia.

Antara inisiatifnya memperkenalkan penubuhan Pejabat Ombudsman, pemilihan ahli senat melalui pengundian, Parlimen Mahasiswa yang juga dikenali sebagai Dewan Perundingan Pelajar, me-

wujudkan Agenda Inisiatif Pembangunan Keusahawanan Pelajar (Sedia) dan menyemarakkan aktiviti kesukarelawan.

Omar berkata, APEX akan jadi lebih bermakna jika ia dilaksanakan secara kolektif kerana program yang dibangunkan oleh KPT adalah hak dan kebanggaan bersama untuk meninggikan martabat pengajian tinggi negara.

Tambah beliau lagi, jika dilihat secara terperinci, universiti-universiti di negara ini adalah unggul dan mencatat pelbagai kejayaan yang membanggakan di dalam banyak bidang.

"Rata-ratanya kita mencatatkan lebih 80 peratus siswazah bekerja selepas tamat pengajian, manakala bahagian lagi memilih meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Tentunya ada sebahagian kecil yang bermasalah, malangnya jumlah inilah yang menjadi bahan percakapan.

"Pengajian tinggi perlu dilihat dalam konteks yang lebih bermakna dalam usaha untuk melahirkan insan bertanggungjawab, beretika, amanah dan dapat memainkan peranan masing-masing" tegasnya.

Baru-baru ini juga, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Noridin melancarkan *Buku Inisiatif-Inisiatif Terpilih Universiti APEX dan Perkongsian Inisiatif-Inisiatif Terpilih Universiti APEX* di Sepang.

Mohamed Khaled mencadangkan agar beberapa kumpulan kerja ditubuhkan dan dianggotai oleh wakil KPT dan USM bagi memudahkan mekanisme perkongsian amalan terbaik itu dilaksanakan dengan IPT lain.

Beliau turut meminta agar USM menjadi peneraju utama pendidikan liberal di negara ini bagi memastikan peranan dan roh sebenar pengajian tinggi dapat dihayati dan dirasakan oleh masyarakat, negara dan dunia seluruhnya.

Beliau turut meminta agar USM menjadi peneraju utama pendidikan liberal di negara ini bagi memastikan peranan dan roh sebenar pengajian tinggi dapat dihayati dan dirasakan oleh masyarakat, negara dan dunia seluruhnya.

BUKU Inisiatif-Inisiatif Terpilih Universiti APEX dilancarkan oleh Mohamed Khaled baru-baru ini.

